

## **PAS nafi boikot PRK Kajang**

**Free Malaysia Today**

**24 March 2014**

**Oleh FMT Staff**

BANGI: PAS menafikan memboikot PRK Kajang,

Menurut Ketua Pengarah Pilihan Raya PAS, Dr Mohd Hatta Ramli menjelaskan jentera PAS mula bergerak sejak awal lagi sebaik sahaja penamaan diumumkan.

Malahan katanya, PAS diberikan peranan besar di beberapa peti undi khususnya di kawasan Melayu.

“Tiada boikot sama sekali, malah kita buat yang terbaik,” katanya yang juga Ahli Parlimen Kuala Krai.

Beliau berkata, kemenangan dua peti undi di Sungai Sekamat dan Kantan Permai menggambarkan Pakatan Rakyat berjaya mengembalikan sokongan daripada pengundi Melayu.

“Ini satu berita yang menggembirakan, satu perubahan yang luar biasa,” katanya.

Bagaimanapun katanya, Pakatan Rakyat perlu melihat kembali terhadap penurunan undi kaum Cina kepada mereka dalam PRK ini.

Katanya, yang tidak menolak pengundi di kawasan Cina agak menurun khususnya di saluran anak muda berkemungkinan mereka tidak ada di dalam kawasan.

“Mungkin mereka merasakan tidak penting untuk kembali. Dan kita perlu lihat kedudukan sebenar perkara ini,” katanya ketika ditemui di Pusat Penjumlahan Undi di Stadium Bangi malam tadi.

Justeru katanya, walaupun undi untuk Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menurun tetapi pencapaian peratusan undi kali ini meningkat kepada 65 peratus.

“Saya minta rakyat kena sedar bahawa kita buat penilaian awal terhadap kerajaan BN nampaknya mereka masih tidak sedar lagi bahawa mereka tidak popular. Inilah kesan PRK,” katanya.

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Kajang dengan majoriti 5,379 undi.

Dr Wan Azizah meraih 16,741 undi manakala calon BN, Datin Paduka Chew Mei Fun memperoleh 11,362.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/24/pas-nafi-boikot-prk-kajang/>